

### KONSEP PINJAMAN MENURUT PERSPEKTIF ISLAM

#### Konsep

Pada penelitian perundangan islam, pinjaman terbahagi kepada dua bahagian iaitu *al-'ariyah* dan *al-qard*.

#### Definisi

**Al-'ariyah** ialah pinjaman yang melibatkan pemberian sesuatu barang atau harta oleh pemberi pinjaman kepada peminjam bagi tujuan penggunaan manfaat barang atau harta tersebut secara percuma.

Barang yang dipinjam hendaklah dipulangkan kepada tuannya dan bukan memulangkan gantian barang tersebut.

Hak pemilikan pemberi pinjam ke atas barang tersebut masih kekal dan peminjam tidak bertanggungjawab terhadap sebarang kerosakan bagi barang tersebut kecuali kecuaian adalah berpunca daripada peminjam sendiri.

**Al-qard** dari segi bahasa bermaksud *al-qat'u (potong)*. Harta yang diberikan kepada orang yang berhutang dinamakan qard kerana pemutang memotong (mengambil) sebahagian hartanya untuk diberikan kepada penghutang. Dari segi istilah pula, al-qard merujuk kepada hutang sesuatu barang atau harta daripada pemutang kepada penghutang dengan syarat barang tersebut atau sesuatu yang sama nilai dengannya akan digantikan kembali kepada pemilik asal tanpa sebarang penambahan.

### Rukun-rukun Al-'ariyah (pinjaman)

*Pemberi pinjam* - Dia mestilah memiliki perkhidmatan barang yang dipinjamkan.

*Peminjam* - mestilah dilakukan dengan sukarela dan menyatakan hasratnya dengan khusus.

*Sighah* - Mestiah mempunyai lafaz ijab dan qabul yang membawa maksud pemberian pinjaman.

### Rukun Al Qard (berhutang)

Pemutang - Seorang ahli tabarru' yang (orang yang memberikan pinjaman) boleh menguruskan harta, berurus niaga (ahliyyah al-mu'amalah) dan memiliki harta tersebut.

- Tiada unsur paksaan (redha).

Penghutang/peminjam - Bukan orang yang gila atau kanak-kanak.

- Tiada unsur paksaan (redha).

- Berkemampuan untuk membayar balik pinjaman yang dibuat.

Barang yang dipinjam - Mazhab Maliki, Syafi'i dan Hambali mengatakan harus diberi hutang bagi barang-barang yang boleh disukat atau ditimbang seperti emas.

### Rukun Al Qard (berhutang) (cont)

- Mestiah mempunyai lafaz ijab sighah dan qabul yang membawa maksud pemberian hutang.

### Hukum Al-'Ariyah

Hukum memberi pinjam kepada seseorang yang memerlukan adalah **sunat**.

### Hukum al-Qard al-Hasan

Hukum pelaksanaan al-Qard al-hasan adalah sunat. Jelas bahawa hukum memberi hutang kepada seseorang yang memerlukan adalah sunat manakala harus bagi seseorang untuk berhutang bagi tujuan untuk membebaskan dirinya daripada kesempitan hidup. Jelaslah disini bahawa Islam merupakan satu agama yang menyediakan ruang dan jalan penyelesaian terhadap kesulitan yang dihadapi oleh umat manusia. Ia selaras dengan prinsip utama yang mendasari akad qard iaitu ta'awun iaitu saling bantu-bantu di kalangan sesama insan.

### Dalil Pengharaman riba

اللَّذِينَ يَأْكُلُونَ الْرِّبَوْ أَلَا يَقُولُونَ إِلَّا كَمَا يَفْعُمُ  
اللَّذِي شَحَّ طَلَبُهُ لِسْنَى طَلَبُ مِنْ رَمَضَانَ دَلَكَ  
يَأْنَهُمْ قَالُوا إِنَّمَا لَمْ يَتَبَرَّعْ مِنْ لَهُ لِرِّبَوْ أَوْ أَخْلَى  
اللَّهُ لِرَبِيعَ وَحَزَّمَ لِرِّبَوْ أَفْ قَمْ جَاءَهُ  
قَوْعَدَ طَلَبُهُ مِنْ رَبِيعَ وَشَهْرِيْ قَلَهُ مَا سَلَفَ  
وَأَمْرَرَهُ إِلَى اللَّهِ وَمَنْ عَادَ قَاتِلَهُ  
أَصْحَدَهُ شَرِّهُ فَمَا خَلَدُونَ (٢٧٥)



### Dalil Pengharaman riba (cont)

Terjemahan: "Orang-orang yang memakan (mengambil) riba itu tidak dapat berdiri betul melainkan seperti berdirinya orang yang dirasuk syaitan dengan terhuyung-hayang kerana sentuhan (syaitan) itu. Yang demikian ialah disebabkan mereka mengatakan: "- Bahawa sesungguhnya bermiaga itu sama sahaja seperti riba". Padahal Allah telah menghalalkan berjual-beli (berniaga) dan mengharamkan riba. Oleh itu, sesiapa yang telah sampai kepadanya peringatan (larangan) dari Tuhan-Nya lalu ia berhenti (dari mengambil riba), maka apa yang telah diambilnya dahulu (sebelum pengharaman itu) adalah menjadi haknya, dan perkaranya terserahlah kepada Allah. Dan sesiapa yang mengulangi lagi (perbuatan mengambil riba itu) maka itulah ahli neraka, mereka kekal di dalamnya."

### Prinsip al-Qard al-Hasan (pinjaman yang baik)

Prinsip muamalah Islam secara jelas mengharamkan sebarang bentuk pinjaman wang yang mempunyai faedah. Sebarang tambahan nilai atau lebih dari pada jumlah pinjaman yang asal adalah dianggap sebagai riba.

Islam hanya membenarkan transaksi pemberian hutang atau pinjaman wang yang bebas daripada unsur riba dan mengutamakan kebijakan dan keadilan sosial.

### Dalil pensyiaratan al-Qard

مَنْ ذَا لَذِي يُفْهِمُ رِضْنَ اللَّهِ قَرْصَانَ حَسَنَةً فَيُضِنْ عَقْدَهُ  
لَمَّا أَصْبَعَ أَفَّا كَثِيرًا وَلَلَّهُ يَفْهِمُ وَيَبْيَضُ  
صُطْحَنْ تُرْكَانْ جَعْنَونَ (٢٤٥)

Terjemahan: "Siapakah orangnya yang (mahu) memberikan pinjaman kepada Allah sebagai pinjaman yang baik (yang ikhlas) supaya Allah melipat gandakan balasannya dengan berganda-ganda banyaknya dan (ingatlah), Allah jualah yang menyempit dan yang meluaskan (pemberian rezeki) dan kepadaNyalah kamu semua dikembalikan."

By **najua**  
[cheatography.com/najua/](https://cheatography.com/najua/)

Published 13th June, 2020.  
Last updated 13th June, 2020.  
Page 2 of 2.

Sponsored by **Readable.com**  
Measure your website readability!  
<https://readable.com>